



**UINIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
HAJI SEMAN BIN HAJI HUSIN  
BILAL MASJID KAMPUNG CHASING**

**OLEH:**

**SITI SYAHIDATUL AMIRAH BINTI CHE AMINUDDIN  
NURHASNA BINTI RAMLI**

**2014909881  
2014109327**

**PROJEK IINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
HAJI SEMAN HAJI HUSIN  
BILAL MASJID KAMPUNG CHASING**

**OLEH:**

<b>SITI SYAHIDATUL AMIRAH BINTI CHE AMINUDDIN</b>	<b>2014909881</b>
<b>NURHASNAA BINTI RAMLI</b>	<b>2014109327</b>

**PROJEK IINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kuriniaNya dapat juga saya menyiapkan tugas kami yang telah diusahakan selama ini yang bertajuk “Di Sebalik Danau Tok Uban”.

Ribuan terima kasih kami ucapkan kepada individu penting yang banyak membantu kami sepanjang kami menyiapkan tugas kami ini. Pertama sekali kepada pensyarah subjek IMR604 Sejarah Lisan kami iaitu Puan Nor Kamariah bt Chik kerana telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami. Selain itu, kami juga sangat menghargai jasa pensyarah subjek kami kerana memberikan bimbingan, dan nasihat yang amat berguna untuk tugas kami serta jasa beliau yang akan kami kenang ke akhir hayat.

Seterusnya, terima kasih juga kepada ibu bapa kami kerana memberikan sokongan dan dorongan kepada kami sepanjang tugas ini disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga juga kami ucapkan kerana memberikan kami bantuan dari segi kewangan. Akhir sekali terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang kami menyiapkan tugas ini.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v-vi
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1-6
Bahagian 2: Asal Usul Danau Tok Uban.....	7-10
Bahagian 3: Misteri Danau Tok Uban.....	11-38
Bahagian 4: Pengiktirafan.....	38-42
Bahagian 5: Pencapaian.....	42-43
Rujukan.....	44
Lampiran	
Log Wawancara.....	45-46
Diari Kajian.....	47-52
Senarai soalan.....	53-59
Surat Perjanjian.....	60
Gambar.....	61-62
Sijil penghargaan.....	63
Indeks.....	64-65

# **ABSTRAK**

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar dan bersama Haji Seman Bin Haji Husin mengenai Danau Tok Uban. Transkrip temubual ini dijalankan di rumah Haji Seman Bin Haji Husin di Kampung Chasing, Pasir Mas, Kelantan bermula jam 11:00 pagi. Beliau adalah seorang bilal masjid Kampung Chasing yang telah berkhidmat sejak tahun 2005 sehingga sekarang. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan juga kehidupan beliau di zaman 60 an iaitu sejak beliau di lahirkan dan bidang kerjaya beliau. Temubual ini lebih tertumpu kepada di sebalik Danau Tok Uban iaitu asal usul Danau Tok Uban. Danau Tok Uban berada dalam Kampung Tok Uban merupakan sebuah kawasan yang sering dikunjungi orang ramai dan terletak 20 kilometer dari bandar Pasir Mas. Pada asalnya ianya hanya sekadar sebuah kawasan hutan dan sawah padi. selain itu Di Sebalik Danau ini juga terdapat kisah Puteri Saadong, harimau datang pada setiap tahun dan sebagainya.*

**Kata kunci:** *Danau Tok Uban, Misteri Danau Tok Uban, Kelantan, Puteri Sadong.*



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



<b>NAMA</b>	Haji Seman bin Haji Hussin
<b>NAMA SAMARAN</b>	Pok Muda Seman
<b>TARIKH LAHIR</b>	1943
<b>UMUR</b>	63 tahun
<b>TEMPAT TINGGAL</b>	Kampung Chasing, 17000 Pasir Mas, Kelantan.
<b>PERKERJAAN</b>	Bilal di Masjid
<b>NAMA BAPA</b>	Hussin bin Yusoff
<b>NAMA IBU</b>	Baru binti Sulaiman
<b>BILANGAN ANAK</b>	11 orang

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Danau Tok Uban berada dalam Kampung Tok Uban merupakan sebuah kawasan yang sering dikunjungi orang ramai dan terletak 20 kilometer dari bandar Pasir Mas. Pada asalnya ianya hanya sekadar sebuah kawasan hutan dan sawah padi yang pada awalnya merupakan sebuah alur sungai yang agak sempit sekadar sebuah tempat untuk menampung air semata-mata. Dahulunya kawasan Danau ini adalah tempat penduduk mengerjakan sawah padi. Namun akibat hujan yang sering turun dan berlaku banjir besar pada tahun 60an, jumlah air yang banyak telah menyebabkan tebing sungai runtuh dan Menteri Besar Kelantan pada zaman itu telah membina danau itu.

Danau tersebut jugak mempunyai banyak buaya pada zaman dahulu dan menyukarkan para pekerja untuk membuat kerja di Danau tersebut. Pada sangkaan semua, buaya tidak akan mati sehingga ke kini tetapi buaya di dalam Danau itu tidak akan mengusik orang lain. Kisah ini juga sama dengan harimau yang datang pada setiap tahun. Harimau yang terlalu banyak kerana pada zaman dahulu ianya sebuah kawasan hutan telah memakan haiwan ternakan orang kampung. Akhirnya, Menteri Besar Kelantan pada masa itu telah meracuni harimau-harimau tersebut dengan meletakkan racun di dalam bangkai haiwan. Harimau-harimau tersebut telah memakan bangkai beracun itu dan akhirnya telah mengalami kepupusan.

Danau ini juga melibatkan kisah Puteri Saadong kerana terdapat Tanjung Puteri di kawasan danau itu. Puteri Saadong menetap di tanjung itu hanya sementara sahaja kerana marah dengan sikap orang kampung yang meminjam pinggan mangkuknya pada suatu ketika dahulu dan tidak memulangkan dengan bilangan seperti hari pertama yang di pinjam. Tujuan orang kampung meminjam daripada Puteri Saadong adalah kerana untuk meraikan tetamu dalam sesebuah majlis seperti kenduri kahwin, pesta tuai padi dan pelbagai majlis lagi. Oleh kerana terlalu marah dengan sikap orang kampung, Puteri Saadong telah berpindah ke Bukit Panau, Tanah Merah, Kelantan.

Akhir sekali, kini danau Tok Uban telah menjadi kunjungan orang ramai tak kira daripada mana kerana ingin melihat keindahan dan menjadi tempat riadah bagi penduduk

setempat. Kisah danau ini juga telah menarik beberapa pihak penyiaran televisyen dan akhbar-akhbar tempatan untuk membuat liputan tentang danau ini. Pelancung asing juga datang melawat dan memulakan aktiviti menaiki bot dan sebagainya di Danau Tok Uban. Hal ini kerana Menteri Besar Kelantan pada ketika itu iaitu Dato' Nasir telah menaiktaraf danau dan telah membina sebuah kem.

Kini, Danau Tok Uban telah menjadi lebih maju dan ramai penduduk di kawasan itu. Tidak lupa juga antara soalan teka-teki yang sering diajukan oleh orang tua kepada kanak-kanak iaitu

Dimanakah terletaknya kawasan tertua di negara ini?

Jawapannya ialah :

Tok Uban. Kenapa? Ia kerana tok merujuk kepada datuk seorang lelaki yang sudah tua, manakala uban pula menggambarkan peringkat umur yang lama.

# TRANSKRIP

Assalamualaikum cik

Saya Amirah dan kawan saya hasna dari pelajar UiTM [University Teknologi MARA] Machang, Kelantan akan menemubual encik. Temuramah ini berlangsung di rumah Tok Uda pada tarikh hari ini iaitu 23.4. jam 11 pagi. Tujuan temubual ini adalah untuk memenuhi subjek pendokumentasian sejarah selain itu temubual ini juga bertujuan untuk mengenal pasti dan mengumpul cerita rakyat Kelantan. Hasil daripada temuramah ini InsyaAllah akan dibukukan dan di kongsi kepada orang ramai supaya dapat dirujuk oleh generasi akan datang pada masa hadapan. Temubual ini akan ada beberapa bahagian tentang Danau Tok Ubanlah. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

HSHH: Haji Seman Haji Husin  
SSA: Siti Syahidatul Amirah  
NHR : NurHasnaa Ramli

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**SSA : Siapakah nama sebenar Tok Uda?**

SSA : Haji Seman Bin Haji Husin.

**SSA : Orang panggil sebagai?**

HSHH : Biasa panggil Pak Muda Seman.

**SSA : Asal usul**

HSHH : Sebagai bilal masjid Kampung Chasing.

**SSA : Apakah nama ibu dan bapa Tok Uda?**

**HSHH : Ibu bapa, bapa Husin Bin Jusoh dan ibu Baru Bin Seleman.**

**SSA : Bilakah pakcik dilahirkan?**

**HSHH : Tahun pakcik lahirkan tahun *seribu sembilan ratus empat puluh tiga* [1943].**

**SSA : Dimanakah Tok Uda dilahirkan?**

**HSHH : Lahirkan di Kampung Chasing lah.**

**SSA : Dan dibesarkan ?**

**HSHH : Kampung Chasing jugak.**

**SSA : Boleh Tok Uda ceritakan sedikit pasal zaman kanak-kanak Tok Uda?**

**HSHH : Kecik zaman kecik lagi Kampung Chasing ini adalah orang ada di Kampung Chasing lebih kurang sepuluh orang masa itu di kampung ini orang tua lah buka kampung ini sebelum jepun. Tok Uda dalam jepun tu lebih kurang umur dua tahun baru , ibu cakap selepas pada itu pak muda besar, dewasa, buat padi di baruh orang panggil pituk (ketawa)baruh pituk menggala kerbau sebelum pada danau ini ada. Selepas itu buat buat padi itu *bah* [banjir] sampai musim bah dia bah airlah banjir lah dulu dia tidak panggil banjir panggil bah, bah besar maknanya padi itu tidak sempurna bolehnya separuh - -masa itu bergala dengan kuba dan canggkul bajak dengan cok cedung masa itu.**



**NHR : Pendidikan awal Tok Uda dimana?**

**HSHH : Pendidikan - di Chasing, sekolah – (ketawa) orang panggil sekolah gading sekolah kampung.**

**SSA : Apakah nama isteri Tok Uda?**

**HSHH : Haji(hajah) Siah Binti Muda.**

**SSA : Bilakah pakcik berkahwin dengan isteri?**

**HSHH : Lebih kurang tahun - dalam enam puluh.**

**SSA : Isteri Pak Uda berasal daripada mana?**

**HSHH : Berasal daripada, dia peranakan dari sini juga asal daripada nun Wakaf Bharu.**

**NHR : Macam mana kenal?**

**HSHH : Dia *mari* [datang] tanah disini orang tua laa orang tua dia (isteri) datang ambil tanah di sini di belakang (sambil menunjukkan lokasi tanah yang berhampiran dengan rumah Tok Uda) besar sini .**

**SSA : Isteri Pak Uda bekerja atau surirumah?**

**HSHH : Ketika *segar* [sihat] bekerja tak segar gak rehat di rumah.**

**SSA : Bekerja sebagai?**

**HSHH : Menoreh laa menoreh getah musim padi ritu dia buat padi.**

**SSA : Berapakah bilangan anak Pak Uda?**

**HSHH :** Anak bilangan semua *dua belas*[12].

**SSA : Berapa umur yang paling tua?**

**HSHH :** Paling tua – (sambil mengingati) lima puluh satu [51].

**SSA : Dia(anak sulung Pak Uda) bekerja atau di mana dia berada sekarang?**

**HSHH :** Sekarang Dia duduk di Batu Melintang.

**SSA : Bekerja?**

**HSHH :** Tidak, dia menjahit kerja dia menjahit. Tukang jahit.

**SSA : Semua anak Pak Uda sudah bekerja atau ada masih bersekolah?**

**HSHH :** Ada sorang habis sekolah baru habis lah u [uiniversiti] baru balik.

**SSA : Umur berapa paling bongsu tu?**

**HSHH :** Umur dua puluh [20] berapa? (sambil mengingati) dua puluh empat [24]. Habis mengaji dah.

**SSA : Sekarang Pak Uda buat apa dekat rumah? Bekerja atau?**

**HSHH :** Kerja pelihara biri lah loni *masalah loni* [masalah sekarang].

**SSA : Dulu Pak Uda bekerja sebagai apa?**

**HSHH : Menangkap ikan, tangkap ikan di sungai *lepastu* [selepas itu] ternak ikan.**

**SSA : Sekarang?**

**HSHH : Ternak biri-biri sikit-sikit.**

**SSA : Kiranya Pak Uda ini seorang penternak?**

**HSHH : Penternak penangkap ikan.**

**SSA : Tadi Pak Uda ada menyatakan yang Pak Uda seorang bilal, sejak bilakah Pak Uda seorang bilal?**

**HSHH : Tahun baru jea tahun 2008 rasanya (sambil Tok Uda berjalan melihat kelendar untuk mengenalpasti tarikh mula di lantik menjadi bilal).**

**SSA : Selain kami yang menemuramah Pak Uda pernahkah Pak Uda ditemuramah oleh pihak lain?**

**HSHH : Pernah.**

**SSA : Daripada mana?**

**HSHH : Daripada (sambil mengingati) Jabatan Perikanan.**

**SSA : Dalam hidup Pak Uda, apa yang ingin Pak Uda lakukan?**

**HSHH : Bekerja, lakukan kerja kerja lah macam macam lah.**

**SSA : Yang berkaitan dengan pertanian ke ?**

**HSHH : Pertaini pun kerja ternak pun kerja penangkap pun kerja penangkap ikan?**

**SSA : Sepanjang hidup yang Pak Uda lalui ada tak kenangan manis dan pahit dalam hidup Pak Uda?**

**HSHH : Tiada, biasa.**

**SSA : Kenangan manis?**

**HSHH : Tiada pahit, manis semua.**

**SSA : Boleh Pak Uda kongsikan kenangan manis Pak Uda**

**HSHH : *Tak pehe*[faham].**

**NHR : Kenangan manis ini contohnya apa yang Pak Uda dapat, maksudnya hasil apa yang membuatkan Pak Uda rasa gembira?**

**HSHH : Menangkap ikan, gembira (ketawa) penangkapan ikan.**

**NHR : Ikan apa yang selalu Pak Uda dapat?**

**HSHH : Macam macam ikan sungai lah Baung, Kalut, Belicung, Bara, Tumai**

**SSA : Penangkapan ikan itu dekat mana?**

**HSHH : Sungai Danau Tok Uban**

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: ASAL USUL DANAU TOK UBAN

**SSA : Boleh Pak Uda ceritakan asal usul Danau Tok Uban?**

**HSHH :** Boleh lebih kurang, ceritanya - asal daripada Danau Tok Uban ini dia nak boleh ke jadi Danau Tok Uban ini aaa daripada Dato' Nasir lah Menteri Besar Kelantan diletak Danau Tok Uban ini sebagai danau lah.

**SSA : Apakah maksud danau?**

**HSHH :** Tempat orang *melancung dok berkhelah gapo tempat orang ramai tempat suka suka lah.* [tempat orang melancong, berkelah dan bersuka-ria]

**NHR : Sebelum terjadinya danau tu apa yang sebenarnya tempat itu Tok Uda?**

**HSHH :** Sebeum jadi danau tu dia (danau) tanah terbiar luas kawasan danau tu takde buat apa lah hutan sahaja.

**SSA : Berapakah keluasan Danau Tok Uban?**

**HSHH :** Emm luas - lebih *kure sepuluh ekar* [kurang 10 hektar] ada.

**NHR : Termasuk dengan masjid itu (masjid brunei Darussalam) ko(ke) dok(tidak)?**

**HSHH :** Masjid brunei? Tidak termasuk, kawasan banggol sahaja haa(ya) kawasan pantai sahaja. Kalau nak kira semua kawasan danau banyak ribu, banyak ribu ekar laa.

**SSA : Mengapakah dinamakan Danau Tok Uban?**

**HSHH :** (sambil mengingati) dia letak Danau Tok Uban ini sebabnya kerana kawasan ini air banyak, air luas tempat apa ini tempat indah kerana air tu - luas dia letak Danau Tok Uban.

**SSA : Apa nama sebenar nama Tok Uban sebenarnya? Danau Tok Uban ini asalnya Tok Uban ini nama orang ke nama sapa?**

**HSHH :** Tok Uban? Tok Uban nama orang.

**SSA : Beliau berasal daripada mana?**

**HSHH :** Daripada - Dia? Tok Uban ini? Daripada Tok Uban laa. Asal daripada Tok Uban orang tua di Tok Uban.

**NHR : Dia ada nama lain ke selain Tok Uban?**

**HSHH :** Nama tu - tak ingat lah. Memang ada laa nama dia lain tu. Tak ingat.

**NHR : Kenapa dinamakan apaini kenapa dia yang nama Tok Uban?**

**HSHH :** Dia - orang panggil orang gelar dia ini Tok Uban dia berasal daripada Tok Uban dah. *Takdok*[tiada] orang panggil dia ini Tok Uban slaluh makna nama dia tu takdok hilang nama dia nama asal dia nama Tok Uban.

SSA : Beliau sudah meninggal?

HSHH : Meninggal di Tok Uban jugak. Kubur tu kubur Tok Uban lagi, dia dulu tanam di Tok Uban tu.

SSA : Kiranya orang pertama yang berada di Tok Uban?

HSHH : Dia mati di Tok Uban kubur tu mula tanah dia Tok Uban jugak.

SSA : Selain Tok Uban, ada orang lain ke? penduduk lain?

HSHH : Selain Tok Uban? Kampung *kelilingan* [sekeliling] Tok Uban. Dia (keluasan tanah) Tok Uban sempit sangat jah (sahaja) kampung dia (kawasan Tok Uban). *Pahtu* [selepas itu] *keliling* [sekeliling] itu kampung kampung lain. Kampung kampung katalah kalau *mari alik* [datang arah] kita (sambil Tok Uda menunjukkan arah dari tempat duduk beliau ke sebelah kanan) ini kampung pengkalan Machang[Kelantan], selepas itu pengkalan Machang [Kelantan] pergi ke - apa (sambil mengingati) pecah kidal - eh go dayat dulu kalau Machang pergi ke Go Dayat, Go Dayat pergi kepada Pecah Kidal selepas itu pergi kepada - gelang, Kampung Gelang. Selepas itu mari kepada kampung - padang mukun tempat *klenek* [klini k] laa Klini k Padang Mukun itu selepas itu mari kepada kampun – Sipun, Kampung Sipun selepas Kampung Sipun dia *keliling* [mengelilingi] rasa kampung rasa, rasa *dale* [dalam] dia panggil rasa dalam selepas itu dia ada rasa luar rasa tepi sungai keliling rasa tepi sungai selepas itu *takdolah* [tiada lagi] cukup *stakut* [bersambung] sekeliling.

**SSA : Kiranya Danau Tok Uban ini berada di tengah tengah keliling kampung?**

**HSHH : Tengah tengah, keliling kampung. Kampung mini dia dekat dengan dia.**

**SSA : Seingat Pak Uda adakah Tok Uban masih mempunyai keturunan beliau?**

**HSHH : Memang ada keturunan.**

**SSA : Adakah cucu atau keturunan beliau masih berada di kampung itu?**

**HSHH : *Segho tak dok* [rasa atau seingat Pak Uda tiada]. Pindah.**

**NHR : Kubur Tok Uban di mana?**

**HSHH : Kubur Tok Uban dekat dengan kedai**

**NHR : Siapa yang jaga?**

**HSHH : Jaga tu, jaga jawatan kuasa kubur. Dia ada jawatan kuasa kubur. Jagalah kawasan kubur *dok* [kan]**

**SSA : Kiranya sekarang dekat kawasan kubur Tok Uban itu ada kubur kubur lain lagi?**

**HSHH : Takdok dah (mengiyakan) Tok Uban sahaja**

**TAMAT BAHAGIAN 2**



### BAHAGIAN 3 : MISTERI DANAU TOK UBAN

**SSA** : Adakah benar Danau Tok Uban mempunyai sihir suatu ketika dahulu ?

**HSHH** : Dulu sebelum pada danau memang adalah.

**SSA** : Boleh Pak Uda ceritakan?

**HSHH** : Boleh cerita di kampung dekat dengan pili Danau Tok Ubainitu dia panggil Tanjung Punteri [Puteri]. Tempat apa nama ini tempat - puaka lah orang panggil puaka tempat punteri dulu orang kampung *bulih* [boleh] - mintak alat alat - pinggan mangkuk, apa (mengingati) *puyuk* [periuk] belanga *gapo* [apa semua] boleh pinjam.

**SSA** : Punteri itu siapa?

**HSHH** : Puteri Saadong - semasa itu kerana orang kampung itu pinjam jadi salah *gi* [pergi] hantar tidak cukup, kalau pinjam lah seratus dia (si peminjam) pergi hantar *sembilan puluh* [90] ke (atau) *sembilan puluh sembilan* [99] ke dia tidak ganti, pergi hantar dengan tidak cukup *sokmo* [sentiasa]. Di hantar dengan tak cukup *sokmo* [sentiasa] tu lama kelamaan dia (puteri) marah, marah kepada orang kampung dia pun pindah tinggal daripada tempat tanjung ini tanjung dekat danau pindah kepada Bukit Panau, pindah daripada bukit panau tu dia ulang alik lagi mari (datang) *duk* [tinggal] di bukit panau ke Tanjung Puteri. Bukit Panau ke Tanjung Puteri, dia ulang alik ulang alik. Sekarang ini takdoklah, duduk di bukit panau tidak mari lah sini (tempat : Tanjung Puteri), barang pun tidak boleh dah nak pinjam, sudah dia tiada lagi, nak pinjam barang

barang tidak boleh dia dah berpindah.

**SSA ; Boleh Pak Uda ceritakan tentang tanjung puteri? Apakah maksud tanjung puteri?**

**HSHH :** Dia tanjung ini dia tepi sungai danau ini dia teluk dia ada tanjung, tanjung *tubik mari alah ko* [keluar dari arah ke] danau itulah orang panggil tanjung. Di tanjung itulah puteri *duduknya* [tinggal], Puteri Saadong *duk* [tinggal] di tanjung itu. Nama di tanjung, Tanjung Puteri tempat nama tanjung puteri tempat kawasan dia.

**SSA : Boleh Pak Uda gambarkan wajah puteri sa'dong?**

**HSHH :** Tak boleh, tak boleh *baca* [gambarkan] (sambil ketawa) dia puteri ini tidak ada lah, dia sudah tiada kita nak banding itu tidak boleh nak bandingkan dengan makhluk-makhluk kita (manusia) tidak boleh nak bandingkan. Puteri ini orang cantik, orang yang paling cantik, orang yang paling *jangkok* [kemas] tidak adalah puteri. Boleh *lagutu* [macam itu] lah tidak boleh banding dengan kita. Mereka - tidak seperti kita. Dia, puteri-puteri ini boleh buat rupa dia cantik, dia boleh buat berubah wajah puteri.

**SSA ; Seingat Pak Uda atau sepengetahuan Pak Uda, ramai ke orang kampung yang pinjam - ?**

**HSHH :** Dulu tidak ramai orang kampung.

**SSA : Adakah hanya orang tertentu sahaja yang boleh pinjam?**

**HSHH : Orang tertentu.**

**SSA : Adakah orang itu ada ahli ada ilmu juga?**

**HSHH : Tidak ada.**

**SSA : Adakah orang kampung yang meminjam dengan puteri akan melaporkan keretakan atau pecah pinggan mangkuk?**

**HSHH : Adalah, retak, pecah, *haktu* [itu yang] hantar tidak cukup kerana pecah, retak dia tidak *ghoyak* [memberitahu] ke puteri**

**SSA : Tujuan orang kampung pinjam daripada puteri?**

**HSHH : Tujuan? Dia (orang kampung) buat kenduri besar-besar, orang panggil puja kampung, dia puja kampung buat kenduri puja kampung buat besar-besaran, mainan *sirba* [serba] mainan dia (orang kampung) main itu – dulu *serba* [semua] mainan dia panggil dengan wayang kulit dengan bersilat dengan Mok Yong, pelaga lembu, pelaga kerbau macam- macam lah dia puja kampung dulu.**

**SSA : Betul ke puteri Saadonglari apabila mendapat tahu pinggan mangkuknya pecah, beliau rasa marah?**

**HSHH : Marah, dia malu kepada orang kampung kerana orang kampung tidak hormat kepada dia, dia marah lah itu.**

**SSA : Pinggan mangkuk itu masih wujud atau di bawa bersama puteri sa'dong?**

**HSHH :** Hilang begitu, dia tidak bawa *pasal* [kerana] barang tidak tahu berada di mana dia *buwi* [bagi] bukan ada gua ada apa, tidak ada. Dia boleh ghaib macam itu sahaja atau dia bawa pergi ke, kalau dia bawa pergi kepada bukit panau, memang ada orang pinjam *pulok* [lagi] mungkin dia tidak bawa, dia hilang begitu sahaja kalau dia bagi pinjam ke orang kampung, maknanya hilang juga, dia (orang kampung) hantar dengan tidak cukup juga. Orang kampung tidak malu kepada puteri.

**SSA : Tadi Pak Uda ada menceritakan tentang bah bencana yang berlaku di Danau Tok Uban- ?**

**HSHH :** Sebelum pada danau ya bah besar.

**NHR : Kenapa dipanggil bah?**

**HSHH :** Air banyak - melimpah bendang itu dia dipanggil bah. Dia tidak ada banjir

**SSA ; Sebab bah itu tertalu air banyak?**

**HSHH :** Air terlampau banyak orang tua panggil bah. Sekarang *loni* [ini] tidak ada boh, kerajaan kita tukar boh kepada banjir, bencana alam.

**SSA : Seingat Pak Uda pada tahun bila bah itu berlaku?**

**HSHH :** Tahun lebih kurang dalam tahun 50an 60an tahun enam puluh lebih itu danau mula buat. Danau itu buat dalam tahun 60an.

**SSA : Siapakah yang membuat danau itu?**

**HSHH :** Membina danau itu terletak dalam tahun 60an, yang berhormat menteri besar Dato' Nasir dia membina -

**SSA : Adakah Danau Tok Ubandulu [dahulu] terkenal dengan perdagangan?**

**HSHH :** Ada

**NHR : Gapo dio [apakah]?**

**HSHH :** *Supo* [seperti] lumba motor bot – macam-macamlah, tarik tali, main wau layang-layang, *main coh* [galah panjang] dikir barat.

**SSA : Jual beli pada zaman dulu [dahulu] apa?**

**HSHH :** Jual beli ada, jual beli makan-makanan, selepas itu barang-barang hiasan alat rumah *gapo* [apa] ada lah, buah-buahan.

**SSA : Apakah tarikan Danau Tok Ubanyang menarik pada Danau Tok Uban**

**HSHH :** Dia masa tu dia ada - kem. Dia ada kem, kem dana Tok Uban sebelah sana (sambil menunjuk arah). Yang berhormat Dato' Husin bina kem itu tempat orang berkursus belajar. Di panggil dekat dengan Tanjung Puteri itulah sebelah sana.

**SSA : Pada tahun bila dibina ?**

**HSHH :** Tahun lebih kurang, tahun *dua ribu* [2000] dah, dalam tahun itu lah

**SSA : Apakah kaitan Danau Tok Uban dengan wali songo?**

**HSHH : - tiada kaitan.**

**SSA : Pada zaman dahulu ramai ke ahli ibadat menetap di Danau Tok Uban?**

**HSHH : Ramai.**

**SSA ; Adakah danau itu sebuah kota atau macam mana?**

**HSHH : Tidak ada kota.**

**NHR : Tok Uda tahukan pasal yang harimau yang datang pada setiap tahun?**

**HSHH : Masa dulu sebelum pada danau.**

**SSA : Sebelum danau itu ada? Boleh Pak Uda ceritakan?**

**HSHH : Sebelum danau itu adalah harimau ini dekat kawsan ini ada. sebelum pada semua buka hutan-hutan *gapo* [apa] itu tempat harimau, sebelum jadi pada kampung tempat harimau *duduk* [tinggal] di sini . Sebelum jadi pada danau apa, sebelum pada nama banjir pada tempat kita ini (kawasan rumah Tok Uda) Kampung Chasing ini tempat harimau. Selepas itu, harimau itu semalaman dua malam dia makan lembu orang-orang kampung lah, dua tiga malam dia (harimau) ambil lembu orang kampung. Lama-kelaman,- nak *ghoyak* [beri tahu] nya tak habis lagi cerita tadi kan? Dia ambil lembu orang kampung *muloh* [arwah] tok ayah (ayah Pak Uda) ayah sendiri *berambak* [berkejaran] dia hambak harimau itu dengan pikul lembu tu, lepas, *dan* [sempat] sembelih**

lembunya. Dia seorang sahaja *ambak* [kejar] seorang arwah ayah, dia hambak seorang harimau lepas lembu jadi dan [sempat] sembelih lembu, lembu hidup lagi. Dia (lembu) *tak dan* [sempat] itu lagi -. Selepas itu *duk* [dalam] dua tiga malam pula, dia ambil lagi masuk bawah rumah. Masa leih kurang pukul 10 malam dia datang dah. *Mugo* [sebab] dia tak boleh makan jadi marah *koho* [makin] marah. Masa itu lembu ramai, lembu ada empat lima belas ekor bawah rumah. Dulu bawah rumah lembu, tiada kandang dia bawah rumah, dia masuk ambil bawah rumah lah, waktu itu orang *berderu* [ramai] lagi duk ngisar, duk numbuk padi kan *duk* [sedang] buat beras ini , dia (harimau) ambil dah lembu bawah rumah buat ke dia tu lapar lah (ketawa). Dia tidak takut dekat orang, bawah rumah Pak Uda. Bunyi (degung woo) lembu *berjerit* [menangis] itu, pakat turun tengok, mati dah lembu. Dai tidak boleh buat keluar dalam kandang, dia *cekur* [mengambil] ikut luar. Turun pakat tengok itu, lembu itu mati sudah tidak sempat sembelih, tidak boleh nak sembelih *hak* [yang] *berambat* [berkejaran] itu boleh sembelih (ketawa) waktu itu. Lama kelamaan harimau itu nak boleh ke mansuh, yang berhormat Dato Nasir lah racun. Racun harimau *boh* [letak] dalam makanan. Dialah yang berhormat dato nasir buat mari racun, dia waktu itu Dato Nasir ini dia kerja hospital dacing (ketawa) dia kerja hospital dacing. Dia buat mari racun ikhtiar *bubuh* [letak] dalam bangkai. Makan mati. Dia takut *mugo* [kerana] ramai, bukan seekor itu, mati yang itu, ada yang lain lagi, *bubuh* [letak] lagi. Lama-lama habis mati habis tidak ada lah, tidak ada baka di Kampung Chasing ini , skitar Kampung Chasing, sawah tidak ada sekitar ini habis harimau sampai ke *loni* [sekarang] harimau tidak ada baka,

tidak meininggal baka.

**SSA : Orang kampung pernah terkorban sebab harimau tu ke ?**

**HSHH : Tidak ada**

**SSA : Dia hanya makan ternakan?**

**HSHH ; Makan ternakan, dia tidak makan orang kampung.**

**NHR : Pak Uda, danau itu ada emas ke tidak?**

**HSHH : Tidak ada. Setahu pak muda lah. Sebelum itu tidak tahulah.**

**NHR ; Dari sebelum jadi danau itu memang sudah tidak ada emas?**

**HSHH ; Tidak ada. Tidak ada boleh dekat orang.**

**NHR : Dari danau itu ada pulau khei [kan]? Pulau apa itu?**

**HSHH : Pulau itu - tidak adalah, sekarang *laini* [ini ] lekat pulau danau lah. Kalau dulu dia ada pulau dipanggil pulau panjang**

**NHR : Boleh Tok Uda cerita?**

**HSHH : Boleh. Dulu dia panggil pulau panjang, dulu dia tidak panggil pulau sebab danau itu tidak jadi, dia panggil banggol panjang (ketawa). Selepas itu dia panggil banggol ular, dia tidak panggil pulau lagi lah. Tidak ada pulau lagi sebab sekarang in baru pulau pasal [kerana] air banyak keliling dia. Sekarang**



*laini* [ini ] orang panggil pulau sudah, pulau kuchil - sekarang ini orang panggil pulau danau sudah.

**SSA : Sebab apa nama di tukar?**

**HSHH :** Di tukar dah nama dulu itu di panggil pulau danau sekitar itu kerana diia tidak tukar lah. Orang sekarang ini dia tidak tahu sudah cerita pulau itu pulau apa-apa dia tidak tahu sudah.sedar orang dahulu tahu pulau pulau apa. Dekat banggol itu banggol ular, banggol panjang, banggol tengah dia panggil banggol semua. Selepas itu ada satu banggol itu di panggil Banggol Tok Daud, Tok Daud *duduk* [tinggal] atas banggol itu. Orang nama Tok Daud duduk di banggol itu dekat dengan danau waktu itu.

**SSA : Tok daud itu berasal daripada mana?**

**HSHH :** Tok daud daripada situ laa, orang sini (Kampung Chasing) jugak lah. Dia pergi duduk di situ ambil tanah di situ buat bendang padi. Dia duduk di atas banggol itu lah tempat tidak terselam air(ketawa) banggol tepi sungai orang panggil Tok Daud. Dia yang duduk situ seorang. Apabila jadi danau, dia pindah. Pindah naik mari alah ke gini [dating arah seperti ini ] (sambil Pak Uda menunjukkan arah) atas Bukit Goggong. Nama Bukit Goggong.

**NHR : Sekarang pun nama bukit goggong?**

**HSHH :** Haa sekarang pun nama Bukit Goggong. Pelik lah dok (kan).

**NHR : Dalam pulau itu ada rumah tak?**

**HSHH : Pulau *hak* [yang] mana?**

**NHR : Pulau Danau?**

**HSHH : Sekarang ini adalah adalah rumah mussala, tidak banyak lah. Dulu banyak rumah rumah di dalam itu rumah pejabat semua ada. Sekarang *tadok* [tiada] dah.**

**NHR : Ada pokok kan dekat situ, pokok apa selalu ada di situ?**

**HSHH : Pokok kayu-kayu hak mana pokok kayu-kayu hutan ini lah, tembesu ada, banyaklah lada ruang, kelad, gelang, kemunting, keduduk, kayu kampung. Tidak ada lah kayu-kayu kampung. Itu *jolah* [sahaja].**

**NHR : Pokok tembesu diwujudkan untuk apa Tok Uda?**

**HSHH : Pokok?**

**SSA : Pokok tembesu. Pokok gapo (apakah) itu?**

**HSHH : Ohh itu untuk perabot rumah laa. Tembesu ini untuk rumah, orang buat rumah.**

**NHR : Orang dulu buat dengan pokok itu lah?**

**HSHH : Haa (mengiyakan) pokok itulah.**

**NHR : Dia (orang kampung zaman dahulu) buat gapo selalunya?**

**HSHH : Dia boleh buat *blako* [semua] tiang dia boleh buat, penyambung dia boleh buat-kasar dia panggil kasar jate dia boleh buat, tutup tiang dia boleh buat, semua kayu itu kayu keras. Semua dia (pokok tembesu) boleh buat.**

**NHR : Selain pokok tembesu ada dia guna kayu lain?**

**HSHH : Kayu medan.**

**NHR : Kayu medan? Kayu gapo (apakah) itu?**

**HSHH : Medan ini kayu *pok* [rangup] tetapi dia kukuh.**

**SSA : Ada jugak dekat kawasan danau itu ke?**

**HSHH : Ho (mengiyakan) kawasan danau itu ada blako.**

**NHR : Orang kampung tidak guna paku laa? Pakat [semua] guna kayu tu jolah [sahaja]?**

**HSHH : Ho'a**

**NHR : Lagi? Pokok *gapo* [apakah] lagi ada?**

**HSHH : Pokok-pokok lain itu tidak boleh buat rumah lah.**

**NHR** : **Dia (pokok) biasa gitu [seperti] itulah?**

**HSHH** : Biasa *gitu* [seperti] itulah. Tidak boleh buat rumah. Dua *karo* [perkara] itu sahaja orang buat rumah, alat rumah.

**NHR** : **Danau Tok Uban ini ada berkait rapat kan dengan Bukit Panau kan?**

**HSHH** : Ho berkait laa.

**NHR** : **Apa cerita dia sebenarnya?**

**HSHH** : Dia berkait rapat dengan Bukit Panau itu -

**SSA** : **Dekat ke jauh?**

**HSHH** : Jauh.

**SSA** : **Apa kaitan dia?**

**HSHH** : Cuma dia sampai di Bukit Panau itu, dia kampung-kampung ada di celah itu lagi. Kampun itu banyak. *Nyapa* [sampai] ke Bukit Panau itu, kampung apa (sambil mengingati) - peru, apa namaini kelang, Kampung – Padang Angun, Kampung – Kubang Pusu, lepas itu kubang gendang, lepas itu apa namaini Kampung - - Becah Kelubi selepas itu Bukit Panau. Banyak *butir* [buah] kampung laa. Dia berkait-kait.

**NHR** : Tapi *bakpo* [kenapa] dia berkait? *Bakpo* [kenapakah] dia berkait dengan Bukit Panau?

**HSHH** : *Pasal* [kerana] Bukit Panau ini ia bukit itu bukit- mana di dalam kawasan Tok Uban ini Bukit Panau ini dia tempat puaka.14.49

**NHR** : Puaka dia *gapo* [apa]?

**HSHH** : Puaka dia ini ada jeinis *baso* [bahasa] - jeinis baso – itu tu lah – ghaib orang ghaib ini wali *gapo* [semua] ada *duk* [tinggal] di situ. *Pat* [tempat] wali pergi bertapa, tok-tok wali pergi bertapa di Bukit Panau itu.

**NHR** : Dia bertapa untuk apa? Persilatan?

**HSHH** : Dia macam-macam lah jeinis dia nak ilmu kan, ilmu wali.

**SSA** : Antara wali yang Pak Uda tahu?

**HSHH** : Orang kampung *jah* [sahaja]. Kita ini pergi bertapa nak jadi wali (sambil ketawa) nak jadi wali pergi bertapa di situ. Dia masuk, dia pergi duduk di Bukit Panau itu bertapa. Dia bertapa ini tidak makan, tidak minum laa. Pergi bertapa, dia nak jadi wali *supo* [seperti] kita orang kampung ini bukan (sambil menegaskan) dia itu wali, orang kampung dia angin *baso* [bahasa] semangat dia nak jadi wali. Tidak adalah, nak jadi wali *gak* [juga] semua orang pergi bertapa disitu lah Bukit Panau lah. Tempat Buikit Panau ini tempat puaka, masa – itu Bukit Panau ini ada dengan kambing gurun lah *gapo* [apa] lah. Kambing gurun mari (datang) dari puaka *belako* [semua] lah itu. Kalau hujan panas *gapo*

[apa] dia adalah kambing gurun itu orang boleh tengok. Dia jeinis – itulah ajaiblah. Benda boleh meraib, ada *pah* [selepas itu] tiada, ghaib. Itu di Bukit Panau itu orang sanjung semua, sekitar- sekitar dekat itu dulu orang sanjung lah Bukit Panau ini tempat besar di Paloh, dengan teri-teri dengan tanjung puteri dia besar Bukit Panau lagi. *Sabik* [sebab] dia puteri itu dia tinggal daripada, tanjung ini dia pergi duduk di bukit panau. Bukit panau pergi kepada kota bharu, ulang alik kota bharu lah. *Sabik* [sebab] Kota Bharu itu timbul kan Puteri Saadong.

**NHR : Berapa lama selalunya orang pergi bertapa disitu Pak Uda?**

HSHH : Dia macam-macam *empat belas* [14] hari, seminggu, *sekat* [sampai] kita tahan laa. Tak tahan gak balik, balik pergi pula.

**NHR : Seorang-seorang sahaja lah disitu?**

HSHH : Ho (mengiyakan) seorang-seorang lah. Nama bertapa ini seorang. Dia tidak takut apa dia nak jadi wali. Dia tidak ada takut dia tidak lapar, dia tidak ada bekal pun. Dia *duduk* [bertapa] *sekat* [sampai] dia tahan selama mana seminggu tahan, seminggu-seminggu. Tahan *empat belas* [14] hari, empat belas hari. Orang tahan sebulan, sebulan dia duduk

**SSA : Selepas dia bertapa itu, apa yang dia dapat?**

HSHH : Tidak dapat apa pakai baju putih *kelik* [pulang] gak, pakai who sebih [biji tasbih] besar itu. *Kelik* [pulang] itu gak, woh sebih [biji tasbih] besar dia pakai,

pakaian putih semua putih *belako* [semua]. Rambut dia panjang, dia tidak buang, wali lah *kelik* [pulang] jadi wali lah dia.

**NHR : Tapi dia bukan wali lah yang sebenarnya?**

**HSHH : Wali orang kampung (ketawa). Tapi *lekat* [kekal] juga orang panggil wali juga kepada dia.**

**NHR : Tidak ada kuasa apa pun kan?**

**HSHH : Tiada (ketawa) tidak boleh nak buat apa dia.**

**SSA Pak Uda ada mengatakan yang Tok Uban ini ada kaitan dengan sungai & Golok [Thailand], apa kaitan nya? Boleh Pak Uda ceritakan sedikit?**

**NHR**

**HSHH** Dia sungai danau ini dia sama dia seluruh dengan sungai Golok [Thailand] ini dia pergi saluran dia di *Ta'ba [Thailand]* [Thailand]. Dia (sungai) *gi* [pergi] jumpa *Ta'ba [Thailand]* [Thailand] itu dengan Sungai Golok [Thailand] [Thailand] dia bertangkup di situ. Dia bertangkup pergi ke *Ta'ba [Thailand]* [Thailand] pergi ke laut. Sungai Golok [Thailand] pun dia pergi ke laut juga. Sungai Golok [Thailand] pun dia kaitan dengan sungai Danau. Kalau katalah sungai Danau itu banjir, dia Sungai Golok [Thailand] nun pun banjir lah. Dia tidak boleh pergi, dia *bertembak* [bertembung] dua itu dengan kita [Kampung Chasing] danau ini turun pergi, sungai dia turun mari dia *bertembok* [bertembung] disitu naik. Dia naik kita pun tak boleh pergi lah.

**NHR** : **Apa kaitan dengan sungai Golok [Thailand]?**

**HSHH** : *Ho (ya)* ada kaitan dengan sungai Golok [Thailand].

**SSA** : **Pak Uda ada mengatakan Danau ini ada kaitan dengan sungai Golok [Thailand]? Boleh Tuk Uda cerita?**

**HSHH** : Dia sungai danau ini dia sambung dia seluruh Sungai Golok [Thailand] [Thailand] saluran dia, dia *gi* [pergi] jumpa kat Ta'ba [Thailand] dengan Sungai Golok [Thailand] dia takut pergi ke Ta'ba [Thailand] pergi ke laut. Sungai Golok [Thailand] pun pergi ke laut jugak, Sungai Golok [Thailand] pom dia kaitan dengan sungai danau. Kalau katalah sungai danau tu banjir sungai Golok [Thailand] pom banjirlah. Dia tak *boleh* [boleh] pergi, dia bertembuk dua tu. Sungai kita danau ini turun pergi, sungai dia turun *mai* [mari], dia bertembuk situ naik, kita pun *tokleh* [tidak boleh] pergi dahla. *Hoktu* [yang] jadi banjir tu. Dia seluruh.

**NHR** : **Lagi dia berkaitan dengan apa sungai Golok [Thailand] tu?**

**HSHH** : Eh? Berkaitan *takdolah* [tiada] dia pergi ke Pangkalan Kubur pergi pada apa - pergi pada Getting [Kelantan] pergi kepada Ta'ba [Thailand] *tubik* [keluar] kaitan dengan laut.



**SSA : Boleh Tok Uda cerita sebelum menjadi Danau?**

**HSHH :** Sebelum menjadi danau ini tempat ternakan dibendang jadi luas dia air tiada bendang padi musim selepas buat padi semua orang ternakan *belako pero* [semua pelihara] lembu, pelihara kerbau lepas ramai. Hok cari ikan, cari ikan di sungai sikh la dulu. Sungai sikh dia penangkapan ikan dia tak ada pukat dia *belat*.(sejeinis bubu yang dibalut dengan daun)

**NHR : Belat?**

**HSHH :** Nama dia belat dia buat buluh. Buat buluh dalam. Ayoh buat apa nama ini belat *pahtu* [selepah itu] nok belat tu dia buat tambungan *tebea* [tebang] pokok kayu nama tambungan dia *buh rebo wat rumoh ikan* [letak kayu-kayan untuk buat rumah] pasal waktu tu dia serupa air danau dia tak ada danau lagi. Dia kemarau. Air sikit *likung* [mengelilingi] rumah ikan tu *royaknya* [cakupnya] ada *empat lima belas* [14-15] orang kerja dalam belat likung belat buang kayu *wat* [buat] naik. Buang kayu habis kayu *wat* naik *igak* [tangkap] ikan dalam. Ada satu belat kecil dia gulung. Gulung gulung dia angkat naik ikan dah banyak pakat usung *wat* naik atas darat ikan tu. Kutip kutip ikan lepastu dia turun buat pulok, gulung pulok sapa *empat lima* [4-5] kali gulung habis ikan. Habis *akat* [angkat] belat dia buat yang lain pulok. Banyaklah *wat* rumah ikan tu, banyak. *Deala sari* [Sempatlah sehari] tu kijo *empat limo butir* [4-5 buah] rumah ikan dio panggil tamburan. Dia panggil tamburan. Empat lima belas ore kijo waktu dulu, selesai, tengahari lebih kurang masa ini sepatat *wat* pergi

nasi. Isteri isteri pakat bawa pergi nasi tepi sungai tempat kerja tu. Pakat wat gi nasi belako orang yang ada bini , ado anak hok buat gi nasi keloh bakar ike. Bakarlah *sekat sekat nok* [sebanyak yang diinginkan]. *Nok bakar nok make comot mano. Nok make ikan apa. Bakar. Suko dok ralik keloh.* [Boleh bakar sebanyak mana yang diinginkan. Boleh makan semua ikan yang diinginkan. Gelak ketawa seperti berkelah] Lepas daripada makan nasi turun semula pulok kijo pulok, kijo pulok likung belat pulok [bekerja pula menutup atau mengelilingi belat pula] buang kayu kutip ambik ikan seperti tadilah gulung gulung belat wat naik ikan kutip kutip. Letih. Letih pakat *beradu* [berhenti] *belako bagilah ikan* [semua bahagikan ikan]. Tok Uda, dia ada rumoh ikan, belat ada, perahu ada, satu rumoh ikan satu bahagian boleh. Bahagian rumoh ikan tu. Bahagian belat satu bahagia. Bahagian perahu boleh satu bahagian. Bahagian kijo satu bagian sama dengan demo[mereka] la. Dia empat bahagian. Wat balik lah, pakat usung belat wat balik sipea[simpan] rumoh tak ada selesai kijo dio.

**NHR : Di Danau Tok Uban tu lah?**

**HSHH : Ho, di danau tu la. Loni [sekarang] danaula, dulu takdok lagi danau. Dia namo sungai-sungai dia ada namo *gitu* [begitu], nama ada belako.**

**NHR** : **Nama gapo?**

**HSHH** : Nama sungai tu dia ada tempat tempat wat kijo tu namo dio namo Piptu, lubuk Piptu, dia ada nama Talamlaksum, dia ada nama Redden, dia ada nama banyakla nama nama Ja'bi. Ore panggil dale Ja'bi. Ja'bi ini pokok kayu banyak, demo letok. Ore tuo panggil Ja'bi. Ja'bi ini pokok kayu inilah dio namo dale Ja'bi, tak tahulah ore tuo dio lagu mano tapi dia letak muko Ja'bi. Ada muka, Ja'bi ini ada muka, dia ada seluk gitu *kolo* [kuala] dia panggil muko Ja'bi. Muko Ja'bi. Banyak nama-nama lain lepastu dipanggil gelung gajah. Pergi ko Masjid Brunei dia panggil Masjid Brunei tu gelung gajah, *jame ritu* [zaman dulu] pahtu dia panggil mari panggil Roo Reboo, *pelik belako tu dok?* [Semua nama pelikkan?] Ro rebo nama dia. Nama sungai tu Ro Rebo tapi dia mari lekatlah ore panggil pangkalan *anak boyo* [anak buaya]. *Belat situ jupo boyo sokmo kalu likung belat situ jupola dio.* [menahan bubu disitu selalu terjumpa dengan anak buaya]

**NHR** : **Banyak ke buaya situ?**

**HSHH** : Eh, sungai kita buaya banyak la sekarang pun banyak sebab buaya ini tak mati. Sejak daripada tahun *empat puluh, lima puluh* [40-50an] sampai sekarang ini buaya tak ada lagi yang mati. Tak ada dengar lagi orang kata buaya ada mati. Yang adanya orang kata buaya situ ada, kuala tu ada buaya, selepas itu terus ke Pengkalan Anak Buaya, Pengkalan Tok Jembal, Pengkalan Tok Haji Ali, Pengkalan Tok Haji Berahim, Pengkalan Pok Woo, Pengkalan tok Daud nak

sampai ke Banggol Tok Daud. Pengkalan Tok Daud ada orang panggil Muka Tanjung Puteri. Dia ada muka bila nak masuk ke Tanjung Puteri. Dia ada dua cabang sungai. Menuju ke hilir satu, kearah hulu satu, tempat kita ini dipanggil sungai Beduk. Selepas itu, menuju ke Pangkalan Batu, Banggol Ular, Batu Hampar, selepas itu pergi ke Pangkalan Bukit Gogong. Bukit Gogong itu kenapa dipanggil Bukit Gogong sebab bila kita berjalan atas bukit itu dia berbunyi seperti gong.

**SSA : Wujud lagilah sekarang ini?**

**HSHH :** Ya, pergi naik atas itu bila berjalan akan berbunyi gong, gong seperti orang pukul gong kaki kita. Tapak kaki akan berbunyi. Nama dia Bukit Gogong. Selepas Bukit Gogong akan pergi ke Pengkalan Saa, selepas itu Pengkalan Kerbau, selepas itu Pengkalan Pondok tu asal, selepas itu Pengkalan Luba, Pengkalan Luba itu Tok Uban. Berhenti sampai situ. Begitulah caranya air dalam sungai boleh mengalir musim kemarau boleh menanam, musim ini orang belat. Semua turun belat pada musim ini Orang yang tiada pukat orang akan *tahan taub* [pancing] bubu lala tahan ikan. Orang panggil bubu lala sebab tiada jarring, ikan masuk, ikan keluar, atas rezekilah, kalau masa pergi angkat ikan ada, waktu kita nak angkat waktu matahari naik sebab ikan masuk nak masuk tidur dalam bubu. Dalam bubu itu kita letak *rebo* [buluh dan kayu] ikan suka dalam *rebo* [buluh dan kayu]. Ada umpan, ikan masuk makan umpan, waktu itulah kita angkat. Banyaklah ikan dalam tu. Bila musim barat, bila ikan

nak bertelur, akan ada termila, orang panggil termila. Dahan termila. Hujan nanti ikan akan naiklah. Waktu tu tak ada pukak, masuk Termila. Kita tapis masuk Termila. Tempat Termila bermain tu dipanggil Jai. Ikan langger Jai itu kadang samapai lima, sepuluh ekor. Dia naik darat selepas itu mereka bersukaria, seperti kitalah macam hari raya. Mereka bersorak. Dari tembok pun akan dengar sorakan mereka, kita panggil 'takat'. Bolehla seribu, dua ribu ekor ikan setiap orang. Kalau penakut tak akan dapat duduk kerana ikan itu berbunyi. Kalau orang takut lagi mereka akan kata itu buaya, sebenarnya ikan yang berbunyi, semua ikan akan berbunyi. Akan larilah orang yang tak biasa dengar suara ikan. Tengok atas tiada, Bunyi bawah, akan larilah sebab ingat buaya. Musim ini, musim kemarau ikan banyak orang sepakat buat laksa, buat semua kampung, sebab itu ada nama Pengkalan Laksa kerana disitulah tempat buat laksa.

**SAA : Daripada situlah namanya Pengkalan Laksa?**

**HSHH :** Ya, Pengkalan Laksa orang buat laksa semua dekat situ, tak boleh buat dekat kampung sebab nak guna air tapi setiap kampung taka da air sebab telaga kering. Laksa ini memerlukan air banyak sebab nak kisar dalam tu. Orang panggil laksa kisar, dulu kisar dengan tangan je, dia ada nama dia Kebob, untuk membuat laksa tu dipanggil Kebob, orang kampung pakat pusing kebob. Kebob tu boleh sewa dua puluh sen, sekali letak *dua puluh* [20] sen, *dua puluh* [20] sen dulu pun susah nak dapat duit. Kalau lima kebob kebob tu isi dalam

dulu seringgit sewa. Kitalah kena buatnya, tuan sewa kebob tu *duk saja*  
[duduk bersahaja] tunggu ambik duit.

**NHR : Ramai ke yang guna kebob tu Tuk Uda?**

**HSHH :** Seluruh kampung. Mereka berpakat guna kebob yang sama. Mereka guna  
macam mereka berkelah, apabila selesai semua mereka akan buat *bekwoh*  
[kenduri makan beramai-ramai] masing masing makan seperti raya korban.

**SAA : Masa tula dia pinjam pinggang mangkuk daripada puteri saadon?**

**HSHH :** Dulu lagi cerita tu, yang ini dah moden. Waktu laksa tu Puteri Saadong tu  
berangkat dah, tak boleh nak pinjam dah.

**NHR : Ini pinggang mangkuk sendiri sudahla?**

**HSHH :** Ya, sendiri. Tok Uda pun tak sempat dengan Puteri Saadong, yang bagi pinjam  
pinggang tu tak sempat. Cerita sahaja.cerita orang tua.

**NHR : Banjir di Danau Tok Uban, selepas menjadi danau apa yang terjadi?**

**HSHH :** Selepas menjadi danau, setiap minggu orang akan berkelah, ada orang berkelah  
didanau tu, Hari minggu hari Jumaat , hari Sabtu, ada oranglah didanau tu,

Diwaktu tu Tok Uda ada pukak tarik, hari minggu boleh duit lah orang sewa pukak sebab nak memukat.

**NHR : Memukat dalam danaulah?**

**HSHH :** Haa, memukat dalam danaulah. Tasik Danaulah. Sewa pukak Tok Uda, Mari kelah tu mereka sewa pukak sehari.

**NHR : Tahun bila ?**

**HSHH :** *Tahun lapan puluh* [1980], *tahun tujuh puluh lima* [1975], Tuk Uda buat pukak dalam *tahun lapan puluh* [1980] *Sembilan puluh* [1990] mereka memukat. Tahun *Sembilan puluh satu* [1991] tuk uda bagi dekat orang pukak, jaga pukak tuk uda pergi bukit, tinggal rumah ini. Batu Melintang.

**NHR : Tinggal kepada orang lainlah?**

**HSHH :** Tinggal kepada orang lain. Tuk Uda pergi bukit ambik tanah.

**NHR : Danau tu dalam tak?**

**HSHH :** Danau, tak dalam lebih kurang lapan kaki [8'] ke sepuluh [10'] kaki air.

**NHR : Tanah dia meresap la dalam tu?**

**HSHH :** Ya, meresaplah. Yang sungai sedia tu dua puluh kaki, tiga puluh kaki dalam. Yang sedialah. Sungai yang dulu dalam sebab sungai tu lubuk. Di Tanjung Puteri itu, orang tua dulu cakap 'stangok'. Stangok tali sebagai ukuran dalam atau cetek air sungai tu. Tanjung puteri tu paling dalam tapi tak tahulah dalam setakat mana. Tok Uda tak pernah selam sebab bila selam dekat tepi dah sebatang buluh tak masuk lubuk lagi.

**NHR : Lubuk dalam lagilah?**

**HSHH :** Taktahulah, Sebab orang tak mampu nak agaknya. Situlah kehidupan buayanya. Biasa orang jumpa di Tanjung Puteri. Bila panas buaya tu akan timbul. Timbul macam rakit. Boleh kira beberapa ekor sebab dia naik jemur. Dulu ada orang kebolehanlah, dia boleh panggil buaya, dia pergi tepi sungai dia panggil buaya tu suruh keluar. Nak bilang. Dia boleh kira orang yang dah biasalah yang ada kelebihan. Orang yang ada ilmu. Dia kira sambil meiniti diatas belakang buaya.

**NHR : Pergi kemana?**

**HSHH :** Seberang sanalah. Buaya beratur dan tutup sungai selepas itu mereka yang ada ilmu tu kiralah satu, dua, tiga, empat, lima sampai ke seberang sana. Buaya tak selam lagi selepas itu mereka patah balik pulak ke seberang sini . Duduk



tempat asal. Itu orang ahli dialah. *Tok Tuk Uda* [datuk kepada Tok Uda] adalah ilmu dia tu dulu. Dia boleh panggil buaya timbul.

**NHR : Dia kena baca ayat dialah?**

**HSHH :** Tak tahulah tu. Tuk Uda tak sempat nak belajar. Tuk Uda kecil lagi dia dah meininggal. Tapi tuk uda ingatlah. Masa belat tu, dia tu ada lagilah. Kalau orang nak belat dia suruh undurlah tak payah ada di kawasan tersebut. Buaya hanya dengar dia sahaja. Duduk jauh buaya, kami nak buat kerja. Buaya tu dengar kata Tok Tuk uda. Nama Tok Salleh.

**NHR : Dia meininggal masa tuk uda muda lagilah?**

**HSHH :** Dia meininggal masa tuk uda budak lagi. Dia meininggal sebab jatuh atas *jemoran* [bendul yang diperbuat daripada kayu sebelum melangkah naik ke bendul rumah] dia diang. Zaman dulu orang tua suka buat api dalam *lingkar* [api yang mengelilingi kayu], Mak buat bara api sebab sejuk pada musim hujan. Sebab ajal dah sampai Tok Tuk Uda jatuh, jatuh atas api tu. Arwah mak masa tu duk sembahyang asar, bunyi berdebung selepas tu arwah mak tinggal sembahyang dan mendapatkan arwah tok. Angkat naik ke atas, tapi dah tak adalah. Tok Uda ingat setakat tu je.

**NHR : Kebumikan di kubur kg. Chasing?**

**HSHH : Tok Ubanlah. Sini semua Tok Uban semua. Dulu kubur dekat sini tak ada.**

**NHR : Pasal Hang Tuah tu ada kaitan jugak ke dengan Bukit Panau?**

**HSHH : Memanglah hubung kait.**

**NHR : Ada hubungkaitlah antara Hang Tuah dengan Syed JamadilQubra?**

**HSHH : Ada hubungkait antara Hang tuah, Hang Jebat. [mengomel] Hang Lekir, Hang Lekiu ini ulang alik sebab puteri ada situ. (terdiam sekejap kerana tak mampu menceritakan lebih lanjut)**

**NHR : Yang pasal hang tuah tu apa kaitan hang tuah dengan Syed Qubra, boleh Tuk Uda Cerita?**

**HSHH : Hang tuah ini orang paling hebatlah. Kedudukan Hang Tuah orang sanjung sebab dia orang bijak. Bila waktu berperang maka wujudlah dia.**

**NHR : Dekat mana?**

**HSHH : Dekat mana-mana yang orang susah. Panggillah Hang tuah, dia boleh**

menyelesaikan masalah tersebut. Kumpulan merekalah. Dipanggil askar. Askar raja. Puteri ini rakyat dia. Hang tuah ini hulubalang dia. Penjaga dia.

**NHR : Ada lagi yang tuk uda tahu pasal Syed Qubra?**

**HSHH : Takdelah.**

**NHR : Hang tuah ada kaitan tak dengan Puteri Linang Cahaya?**

**HSHH : Puteri-puteri ini berkait semua, seperti Puteri Gunung Ledang, Puteri Saadon, ada kaitan jugak.**

**NHR : Hang Tuah ini pernah tinggal dekat danau ke?**

**HSHH : Tak ada, dia tak menetap di danau hanya di Bukit Panau.**

**NHR : Dia berguru dengan Adi Putera?**

**HSHH : Ya,.**

**NHR : Hang Tuah belajar apa semasa di Bukit Panau?**

**HSHH : Hang tuah ini tak ada guru, dia jadi sendiri. Atas nama orang gelar. Pangkat dia naik dengan sendirinya. Terjadi dengan hebatnya sendiri. Kalau bahasa P. Ramlee, dia panggil bijaksana Hang Tuah ini mana, atas nama dialah. P.**

Ramlee ejakan. T. T apa? (mengeja dan ketawa)

**NHR :: T.U.A.H**

**HSHH** Kelebihan dia nama Tu. Hebat dia pada nama dia. (bercakap dengan anaknya)

### **TAMAT BAHAGIAN TIGA**

#### **BAHAGIAN EMPAT : PENGIKTIRAFAN**

**NHR : Danau Tok Uban ini pernah orang iktiraf tak?**

**HSHH** : Pernah. Iktirafnya Dato' lah [Dato Nasir , Menteri Besar Kelantan].

**NHR : Dato' Nasir?**

**HSHH** : Dato' Nasirlah iktiraf.

**NHR : Bila dia iktiraf?**

**HSHH** : Lebih kurang tahun tujuh puluh hingga ke lapan puluh [70-80an].

**NHR : Tuk Uda muda lagilah masa itu? Tuk Uda ada sekali lah eh?**

**HSHH** : Ya.

**NHR : Ramai tak orang pergi?**

**HSHH :** Ramai. Dia letak batu asas tu tahun dia ada buat besar-besaran. Dia juga mengadakan acara berlumba motorboat semasa ingin meletakkan batu asas dan nama. Besar-besaranlah dibuatnya, seluruh Kelantan datang dan buat berlumba motorboat dan pada masa tu nombor satu dimenangi oleh Ku Iskandar, tempat kedua dimenangi oleh orang china.

**NHR : Memang batu asas tu diletakkan sebagai nama Danau Tok Uban?**

**HSHH :** Ya. Batu asas tu Danau Tok Uban.

**NHR : Danau Tok Uban ini ada tak orang luar datang kaji?**

**HSHH :** Ada, memang ada. *Orang putih* [English] pernah datang.

**NHR : Siapa orang tu Tok Uda?**

**HSHH :** Tak kenal. Tapi, dia pernah sewa boat Tok Uda untuk *round* [mengelilingi] danau. Sewa motorboat untuk berjalan ke danau dalam empat, lima orang. Semua orang putih.

**NHR : Danau tu pernah jadi tempat lakonan tak?**

**HSHH :** Pernah.

**NHR : Cerita apa?**

**HSHH :** Tak ingat tajuk. Cerita Awang Mokhtar, Cerita Jong. (cuba mengingati)

**NHR : Artis lama-lamalah? Tuk Uda pernah pergi menonton sendiri ke?**

**HSHH : Tak Pergi. Mereka datang ke kampung ini buat filem. Dia sewa rumah (Tok Uda) buat berlakon.**

**NHR : Tahun bila?**

**HSHH : Tahun lapan puluhan [1980]**

**NHR : Tok Uda ingat tak artis yang datang ke sini ? (Danau Tok Uban)**

**HSHH : Yang bawak mereka kesini adalah daripada majalah. Syarikat Majalahla yang menghatar mereka kesini . Majalah Tiga (3). Nama dia Ramli Papa. Ramli bin Salleh. Apa-apa pun dialah yang akan bercerita.**

**NHR : Majalah tiga datang untuk mengorek rahsia Danau Tok Uban?**

**HSHH : Ya.**

**NHR : Tok Uda pernah tak dapat iktiraf daripada mana-mana pihak?**

**HSHH : Pernah. Orang kebajikan masyarakat datang ambik dan keluarkan dalam tv.**

**NHR : TV berapa?**

**HSHH : TV3.**

**NHR : Tajuk apa?**

**HSHH :** Tajuk banyak jeinis. Mereka ambik masuk dalam TV mengenai penangkapan ikan, Ternak ikan dalam sangkar, Buat perahu buat sampan pernah masuk dalam TV. Berjala.

**NHR : Tahun bila?**

**HSHH :** Dalam tahun lapan puluhan [1980].

**NHR : Apa perasaan tuk uda bila orang datang temuramah?**

**HSHH :** Tak ada perasaan apa-apa. Biasa sahaja.

**NHR : Di danau itu, ada kedai makan, bila lagi dibangunkan?**

**HSHH :** Kedai makan tu dia buat dalam tahun tujuh puluh.[1970]

**NHR : Kedai makan tu dulu beroperasi siapa yang mengendalikannya?**

**HSHH :** Dulu yang menjualnya nama dia Abdul Rahman Hamzah. Dia sewalah.

**NHR : Sekarang ini ada lagi tak kedai tu?**

**HSHH :** Ada. Selepas pada Hamzah Abdul Rahman, orang Bangla jual situ sekejap, kebetulan pembantu dia mati, maka tinggallah dengan kosong begitu,.

**NHR : Tak jual sampai sekaranglah?**

**HSHH :** Sekarang ini anak Hamzah ambik alih. Kedai tu daripada yang berhormat Dato'

Nasir. Kedai tu masih lagi kayu sampai sekarang sebab tak ada siapa dah nak buat. Dato' pom dah tak ada.

## **TAMAT BAHAGIAN EMPAT**

### **BAHAGIAN LIMA : PENCAPAIAN**

**NHR** : Pendapat Tok Uda apa yang perlu ada di Danau Tok Uban?

**HSHH** : Yang penting yang kena ada motorboat, pukot tarik kena ada, dua tu jelah yang penting.

**NHR** : Bagaimana untuk menaikkan nama Danau Tok Uban?

**HSHH** : Kena bina semula, buat bangunan baru, kena ada penjaga danau, kalau taka da penjaga tak boleh buat, orang buat conteng. Dulu pernah buat, dengan pejabat dengan rumah sultan, sebab tak ada yang jaga orang ambik curi. Kalau tak ada bangunan maka tak majulah hanya ada kedai tu. Ada musalla satu dekat situ.

**NHR** : **Jalan tar ke tidak?**

**HSHH** : Dah. Sudah bertar. Dulu ada air masuk tapi sekarang dah tiada sebab potong air. Kedai makan tu guna banyak sangat dan orang kampung hanya bayar RM4 (Ringgit Malaysia Empat) sebulan. Apabila mesyuarat jawatankuasa air, untuk memotong air dikawasan danau tersebut.



**NHR : Sumbangan orang kampung kepada Danau Tok Uban?**

**HSHH : Tak ada.**

**NHR : Pendapat Tuk Uda boleh tak Danau Tok Uban menjadi satu pusat peranginan contohnya pelancong datang melancong kesini ?**

**HSHH : Insyaallah. Kalau duduk dikerajaan pusat, Danau Tok Uban akan jadi maju tapi kalau diletakkan dibawah kerajaan negeri akan jadi mundur. Kerajaan negeri takkan mampu nak buat. Peruntukkan besar. (mengomel)**

**NHR : Dato' Nasir tu dahulu Menteri Besar Kelantan kan?**

**HSHH : Menteri besar PAS (Pati Agama Se-islam). Dato Nasir dalam PAS. Kalau Dato Nasir dalam UMNO (United Malays National Orgainization) mungkin bangunan akan dibuat semula di kawasan Danau Tok Uban.**

**NHR : Kata-kata terakhir tuk uda?**

**HSHH : Jika kerajaan pusat yang memerintah, insyaAllah danau tuk Uban akan mengembang.**

**NHR : Terima kasih kerana menceritakan tentang Danau Tok Uban. Terima Kasih sekali lagi. InsyaAllah perbualan ini akan dibukakan. Adakah Pak Uda inginkan salinan buku ini ?**

**HSHH : Nak. (mengangguk dan ketawa kecil)**

# **RUJUKAN**

## RUJUKAN

Haji Seman bin Haji Husin. (2016, April 23). Di Sebalik Danau Tok Uban [Interview]  
Danau To Uban dan Masjid Brunei Darulsalam. (2012). Retrieved June 08, 2016, from

<https://sejarahkelantan.wordpress.com/2012/10/01/danau-to-uban/>

Bangga jadi anak kelahiran Tok Uban. (n.d.). Retrieved June 08, 2016, from

[http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/bangga-jadi-anak-kelahiran-tok-uban-](http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/bangga-jadi-anak-kelahiran-tok-uban-1.276443)

1.276443

# LAMPIRAN

Pejabat Timbalan Rektor  
(Hal Ehwal Akademik)  
Deputy Rector Office  
(Academic Affairs)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia  
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>  
Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156  
Email : [tpheakln@kelantan.uitm.edu.my](mailto:tpheakln@kelantan.uitm.edu.my)



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Tarikh : 28 April 2016

Surat Kami : 100-KK(HEA 30/7/2)

## KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan / Puan

## PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

BIL	NAMA	NO. UiTM
1	SITI SYAHIDATUL AMIRAH BINTI CHE AMINUDDIN	2014909881
2	NURHASNAA BINTI RAMLI	2014109327

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEP) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)**, bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan kursus yang mereka ikuti **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi saudara **SITI SYAHIDATUL AMIRAH BINTI CHE AMINUDDIN** di talian **01131356216**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

**NAJIBAH BINTI MOHAMED NAZIR**  
**Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Akademik)**  
b/p TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

# **LOG WAWANCARA**

### Bahagian Pertama

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama tempat/Rujukan
00:02:02	Latar belakang	Kg Chasing
00:03:01	Zaman kanak-kanak	Jepun Pengkalan Kerbau Danau Tok Uban Wakaf Baru
00:07:45	Anak-anak beliau	Batu melintang
00:12:07	Permulaan cerita	Danau Tok Uban Dato' Nasir Menteri Besar Kelantan Tok Uban Padang Mukum

### Bahagian kedua

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama tempat/Rujukan
00:13:17	Sebelum terjadi danau	Danau Tok Uban Tanjung puteri
00:16:35	Sebelum terjadinya danau	Gong Dayak Machang Gelang Tasik Danau Berhormat Menteri Besar
00:37:12	Mengenai danau	Banggol tok daud
00:45:15	Mengenai pertapaan	Bukit Panau
00:52:11	Perkaitan danau	Sungai Golok [Thailand] Ta'ba [Thailand]

00:55:11	Mengenai sungai	Ja'bi Tanjung puteri Masjid Brunei Sungai beduk Pangkalan Batu Pangkalan ular Bukit Gōgōng
01:07:16	Terjadinya Danau	Pangkalan Luba Pangkalan Laksa Pengkalan Kubur
01:09:15	Pengakhiran Danau	Batu melintang Hang Tuah Hang Jebat Hang lekir Hang Lekiu Syed Qubra Puteri saadon Puteri Linang Cahaya
01:25:18	Pengiktirafan	Wan Mokhtar Ramli Papa Majalah Tiga Ku Iskandar Hamzah Abdul Rahman



# **DIARI KAJIAN**

## 1. PENGENALAN

### 1.1 Kenyataan masalah

Kekurangan pengeluaran buku lagenda cerita rakyat Kelantan pada masa kiini. Hal iini kerana masyarakat lebih memilih ke arah yang lebih moden seperti melayari internet dan sebagainya. Selain itu, kurangnya pendedahan cerita rakyat kepada masyarakat pada masa kiini kerana di anggap cerita iini sudah lapuk dek zaman.

### 1.2 Objektif kajian

- i. Mengetahui pasti dan mengumpul cerita rakyat negeri Kelantan.
- ii. Mengumpul cerita rakyat negeri Kelantan supaya dapat dirujuk oleh generasi akan datang pada masa hadapan.
- iii. Mendedahkan cerita rakyat Kelantan kepada masyarakat supaya diketahui umum dan tidak dilupakan.

### 1.3 Soalan kajian

#### 1.3.1 Latar belakang

Penyelidik akan bertanyakan tentang asal usul pencerita seperti nama sebenar pencerita dan nama panggilan pencerita. Tarikh lahir pencerita dan di manakah pencerita di lahirkan. Selain itu penyelidik akan bertanyakan tentang serba sedikit latar belakang keluarga beliau iaitu nama isteri beliau dan anak-anak dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan keluarga beliau. Selain itu penyelidik juga akan bertanya tentang pendidikan beliau dan seterusnya tentang pekerjaan beliau yang sebelum ini. Iini bertujuan untuk memenuhi permintaan kajian kursus dan mengetahui tentang latar belakang beliau.

### 1.3.2 Asal usul Danau Tok Uban

Penyelidik akan bertanyakan tentang asal usul Danau Tok Uban seperti apakah maksud danau dan tempat itu tempat apa sebelum terjadinya sebuah danau. Penyelidik juga akan bertanyakan tentang keluasan danau dan mengapa diberi nama Danau Tok Uban. Iini kerana kami difahamkan danau mendapat nama kerana ada seorang lelaki tua yang tinggal berdekatan kampung atau danau itu, dan dikatakan mempunyai keturunan tetapi beliau sudah meninggal dunia dan beliau juga telah di semadikan di Kampung Danau Tok Uban. Kubur beliau ini menjadi tempat lawatan orang islam untuk melihat sendiri kubur beliau.

### 1.3.3 Misteri Danau Tok Uban

Di dalam soalan kajian ini, penyelidik akan bertanya pencerita tentang misteri yang dikatakan oleh penduduk setempat tentang sihir kerana orang kampung di kawasan itu pada zaman dahulu katanya mempunyai unsur sihir. Selain itu juga kami akan bertanyakan tentang tanjung puteri yang dikaitkan dengan tempat persinggahan Puteri Saadong pada suatu zaman dahulu dan dikatakan telah berpindah ke Bukit Panau kerana perbuatan orang kampung yang telah menyebabkan Puteri Saadong marah. Seterusnya kami juga akan bertanyakan tentang harimau yang datang pada setiap tahun kerana sebelum terjadinya danau, kawasan itu adalah kawasan hutan dan sawah padi. Selain tentang Puteri Saadong, penyelidik juga akan bertanyakan tentang wali yang ingin menuntut ilmu.

### 1.3.4 Pengiktirafan

Penyelidik akan bertanyakan tentang pengiktirafan danau tersebut. Selain itu penyelidik juga akan bertanyakan bila danau itu diiktiraf dan siapakah yang mengiktirafkan danau tersebut.

### 1.3.5 Pencapaian

Penyelidik akan bertanyakan tentang pencapaian danau Tok Uban dan juga perkara yang di inginkan oleh pencerita selaku penduduk tempatan di kawasan itu.

## 1.4 Kisah Misteri Masjid Brunei Darussalam

Menurut sebuah blog dari laman sesawang iaitu hasil penulisan yang ditulis.

Danau Tok Uban berada dalam Kampung Tok Uban merupakan sebuah kawasan yang sering dikunjungi orang ramai dan terletak 20 kilometer dari bandar Pasir Mas. Pada asalnya ianya hanya sekadar sebuah kawasan hutan dan sawah padi yang pada awalnya merupakan sebuah alur sungai yang agak sempit sekadar sebuah tempat untuk menakung air semata-mata. Dahulunya kawasan Danau iini adalah tempat penduduk mengerjakan sawah padi. Namun akibat hujan yang sering turun dan berlaku banjir besar pada tahun 60an, jumlah air yang banyak telah menyebabkan tebing sungai runtuh dan Menteri Besar Kelantan pada zaman itu telah membina danau itu.

## 1.5 Kaedah kajian

Dalam kaedah kajian, penyelidik akan menemubual pencerita dengan menggunakan telefon bimbit untuk mengetahui sedikit latar belakang beliau. Selain itu penyelidik juga berjumpa dengan beliau dan menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhati.

## 2.0 PERSIAPAN AWAL

Persiapan awal yang penyelidik telah lakukan, penyelidik telah bertemu sendiri Encik Haji Seman Bin Haji Husin di kediamannya di Kampung Rong Chenok, Pasir Mas. Penyelidik juga telah menanyakan serba sedikit mengenai Danau Tok Uban di Kelantan. Untuk tindakan seterusnya, penyelidik membuat temujanji dengan pencerita untuk menemuramahnya dengan lebih terperinci.

### 2.1 Tajuk

- Di Sebalik Danau Tok Uban

### 2.2 Nama calon yang ditemu ramah

- Nama : Haji Husin Bin Haji Seman
- Umur : 63 tahun
- Tempat tinggal : Kampung Chasing, 17000 Pasir Mas, Kelantan.

### 2.3 Tindakan

Tarikh	Tujuan	Tindakan
16 MAC 2016	Diberi tugas untuk mencari dan memilih tajuk cerita rakyat dan mencari calon pencerita.	Menggunakan kaedah laman sesawang atau sumber internet dan bertanyakan kepada orang Kampung Chasing.
17 MAC 2016	Mencari maklumat di dalam blog-blog	Menggunakan kaedah laman sesawang. Mencari beberapa sumber tentang kewujudan dan sejarah Kampung Danau Tok Uban.
22 MAC 2016	Mencari maklumat lebih terperinci	Pergi ke muzium Kelantan dan berjumpa dengan Encik Inizam untuk bertanyakan Danau Tok Uban dan calon yang boleh di temubual, dan beliau menyarankan pergi ke Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan untuk mencari maklumat calon pencerita.
22 MAC	Mencari maklumat tentang Danau Tok	Pergi ke Jabatan Kebudayaan Dan

2016	Uban dan maklumat calon pencerita.	Keseinian Negeri Kelantan dan menemubual Encik Nazali. Di sini kami mendapatkan sedikit maklumat daripada beliau.
25 MAC 2015	Mendapatkan alamat daripada laman sesawang untuk menghubungi pencerita	Menggunakan laman sesawang dan bertanya dengan orang kampung Chasing yang mengetahui serba sedikit akan danau ini.
26 MAC 2016	Menghubungi Haji Seman bin Haji Husin untuk menemubual beliau.	Menghubungi pencerita iaitu Haji Seman Bin Haji Husin dengan menggunakan telefon.
30 MAC 2016	Menghubungi encik Haji Seman Bin Haji Husin sekali lagi	Menghubungi pencerita iaitu Haji Seman Bin Haji Husin dengan menggunakan telefon. Untuk membuat temujanji dan beliau bersetuju untuk di temubual pada 23 APRIL 2016.
23 APRIL 2016	Hari temubual bersama Haji Seman Bin Haji Husin	Menemubual dengan Haji Seman Bin Husin yang bertempat di rumah beliau iaitu di Kampung Chasing, 17000 Pasir Mas, Kelantan. Temubual berlangsung pada jam sebelas [11] pagi selama satu jam dua puluh lima minit lapan belas saat [01:25:18]
24 APRIL 2016	Bahagi tugas	Kami bersepakat dan membahagikan tugas hasil temubual.
25 APRIL 2016	Mula menukarkan hasil rakaman temubual dalam bentuk audio kepada tulisan bertaip	Mendengar hasil rakaman temubual dan mula menukarkan daripada format audio ke format bertaip bagi menyiapkan deraf pertama.
11 MEI 2016	Menghantar deraf pertama	Menghantar deraf pertama kepada pensyarah kami Puan Kamariah Binti Chik untuk disemak oleh beliau dan diberi markah untuk deraf pertama

18 MEI 2016	Membentangkan tentang hasil temubual	Membentangkan tentang hasil temubual dengan Haji Husin bin Haji Seman tentang Danau Tok Uban kepada pensyarah kami iaitu Puan Kamariah binti Chik di bilik kuliah Blok D 319 UiTM Machang Kelantan.
20 MEI 2016	Mengemaskiini laporan	Mengemaskiini transkrip dan menambah beberapa perkara yang perlu di tambah.
7 JUN 2016	Mendapatkan nasihat daripada pensyarah	Berjumpa dengan pensyarah kami Puan Kamariah Binti Chik untuk membetulkan tanda transkrip dan beliau menunjukkan cara yang betul dalam menyiapkan transkrip di bilik kerja beliau yang bertempat di bilik pensyarah di Blok D UiTM Machang Kelantan. Membetulkan transkrip seperti mana yang di ajar oleh pensyarah kami sehingga lewat malam bertempat di Asrama Puteri Tuan Haji iaitu bilik sewaan yang berdekatan dengan pagar UiTM Machang Kelantan.
8 JUN 2016	Menghantar transkrip lengkap	Mengemaskiini dan menyiapkan transkrip untuk kali terakhir sebelum menghantar transkrip kepada rakan sekelas untuk dibukukan.
16 JUN 2016	Penyerahan	Menyerahkan dua [2] buah buku dan satu [1] laporan penuh dan lengkap kepada pensyarah kami. Tujuan buku dibukukan sebanyak dua salinan ialah untuk di letakkan di bilik kuliah dan sebuah lagi diserahkan kepada Perpustakaan Tengku Ainis UiTM Machang Kelantan.

# **SENARAI SOALAN**



## **BAHAGIAN PERTAMA : LATAR BELAKANG TOKOH**

1. Siapakah nama sebenar Tok Uda?
2. Orang panggil sebagai?
3. Asal usul?
4. Apakah nama ibu dan bapa Tok Uda?
5. Bilakah pakcik dilahirkan?
6. Dimanakah Tok Uda dilahirkan?
7. Dan dibesarkan?
8. Boleh Tok Uda ceritakan sedikit pasal zaman kanak-kanak Tok Uda?
9. Pendidikan awal Tok Uda dimana?
10. Apakah nama isteri Tok Uda?
11. Bilakah pakcik berkahwin dengan isteri?
12. Isteri Pak Uda berasal daripada mana?
13. Macam mana kenal?
14. Isteri Pak Uda bekerja atau surirumah?
15. Bekerja sebagai?
16. Berapakah bilangan anak Pak Uda?
17. Berapa umur yang paling tua?
18. Dia(anak sulung Pak Uda) bekerja atau di mana dia berada sekarang?
19. Bekerja?
20. Semua anak Pak Uda sudah bekerja atau ada masih bersekolah?
21. Umur berapa paling bongsu tu?
22. Sekarang Pak Uda buat apa dekat rumah? Bekerja atau?
23. Dulu Pak Uda bekerja sebagai apa?
24. Sekarang?
25. Kiranya Pak Uda ini seorang penternak?
26. Tadi Pak Uda ada menyatakan yang Pak Uda sorang bilal, sejak bilakah Pak Uda seorang bilal?
27. Selain kami yang menemuramah Pak Uda pernahkah Pak Uda ditemuramah oleh pihak lain?
28. Daripada mana?
29. Dalam hidup Pak Uda, apa yang ingin Pak Uda lakukan?
30. Yang berkaitan dengan pertanian ke ?

31. Sepanjang hidup yang Pak Uda lalui ada tak kenangan manis dan pahit dalam hidup Pak Uda?
32. Kenangan manis?
33. Boleh Pak Uda kongsi kenangan manis Pak Uda?
34. Kenangan manis ini contohnya apa yang Pak Uda dapat, maksudnya hasil apa yang membuatkan Pak Uda rasa gembira?
35. Ikan apa yang selalu Pak Uda dapat?
36. Penangkapan ikan itu dekat mana?

## **BAHAGIAN 2 : ASAL USUL DANAU TOK UBAN**

37. Boleh Pak Uda ceritakan asal usul Danau Tok Uban?
38. Apakah maksud danau?
39. Sebelum terjadinya danau tu apa yang sebenarnya tempat itu Tok Uda?
40. Berapakah keluasan Danau Tok Uban?
41. Termasuk dengan masjid itu ( masjid brunei Darussalam) ko dok [ ke tidak]?
42. Mengapakah dinamakan Danau Tok Uban?
43. Apa nama sebenar nama Tok Uban sebenarnya? Danau Tok Uban ini asalnya Tok Uban ini nama orang ke nama sapa?
44. Beliau berasal daripada mana?
45. Dia ada nama lain ke selain Tok Uban?
46. Kenapa dinamakan apa ini kenapa dia yang nama Tok Uban?
47. Beliau sudah meininggal?
48. Kiranya orang pertama yang berada di Tok Uban?
49. Selain Tok Uban, ada orang lain ke? penduduk lain?
50. Kiranya Danau Tok Uban ini berada di tengah tengah keliling kampung?
51. Seingat Pak Uda adakah Tok Ubanmasih mempunyai keturunan beliau?
52. Adakah cucu atau keturunan beliau masih berada di kampung itu?
53. Kubur Tok Uban di mana?
54. Siapa yang jaga?
55. Kiranya sekarang dekat kawasan kubur Tok Uban itu ada kubur kubur lain lagi?

### BAHAGIAN 3 : Misteri Danau Tok Uban

56. Adakah benar Danau Tok Uban mempunyai sihir suatu ketika dahulu ?
57. Boleh Pak Uda ceritakan?
58. Punteri itu siapa?
59. Boleh Pak Uda ceritakan tentang Tanjung Puteri? Apakah maksud Tanjung Puteri?
60. Boleh Pak Uda gambarkan wajah Puteri Saadong?
61. Seingat Pak Uda atau sepengetahuan Pak Uda, ramai ke orang kampung yang pinjam - ?
62. Adakah hanya orang tertentu sahaja yang boleh pinjam?
63. Adakah orang itu ada ahli ada ilmu juga?
64. Adakah orang kampung yang meminjam dengan puteri akan melaporkan keretakan atau pecah pinggan mangkuk?
65. Tujuan orang kampung pinjam daripada puteri?
66. Betul ke Puteri Saadong lari apabila mendapat tahu pinggan mangkuknya pecah, beliau rasa marah?
67. Pinggan mangkuk itu masih wujud atau di bawa bersama Puteri Saadong?
68. Tadi Pak Uda ada menceritakan tentang bah bencana yang berlaku di Danau Tok Uban- ?
69. Kenapa dipanggil bah?
70. Sebab bah itu tertalu air banyak?
71. Seingat Pak Uda pada tahun bila bah itu berlaku?
72. Siapakah yang membuat danau itu?
73. Adakah Danau Tok Uban *dulu* [dahulu] terkenal dengan perdagangan?
74. *Gapo dio* [apakah]?
75. Jual beli pada zaman *dulu* [dahulu] apa?
76. Apakah tarikan Danau Tok Ubanyang menarik pada Danau Tok Uban?
77. Pada tahun bila dibina?
78. Apakah kaitan Danau Tok Uban dengan wali songo?
79. Pada zaman dahulu ramai ke ahli ibadat menetap di Danau Tok Uban?
80. Adakah danau itu sebuah kota atau macam mana?
81. Tok Uda tahukan pasal yang harimau yang datang pada setiap tahun?
82. Sebelum danau itu ada? Boleh Pak Uda ceritakan?

83. Orang kampung pernah terkorban sebab harimau tu ke?
84. Dia hanya makan ternakan?
85. Pak Uda, danau itu ada emas ke tidak?
86. Dari sebelum jadi danau itu memang sudah tidak ada emas?
87. Dari danau itu ada pulau *khei* [kan]? Pulau apa itu?
88. Boleh Tok Uda cerita?
89. Sebab apa nama di tukar?
90. Tok daud itu berasal daripada mana?
91. Sekarang pun nama bukit goggong?
92. Dalam pulau itu ada rumah tak?
93. Pulau Danau?
94. Ada pokok kan dekat situ, pokok apa selalu ada di situ?
95. Pokok tembesu diwujudkan untuk apa Tok Uda?
96. Pokok tembesu. Pokok *gapo* [apakah] itu?
97. Orang dulu buat dengan pokok itu lah?
98. Dia (orang kampung zaman dahulu) buat *gapo* selalunya?
99. Selain pokok tembesu ada dia guna kayu lain?
100. Kayu medan? Kayu *gapo* [apakah] itu?
101. Ada jugak dekat kawasan danau itu ke?
102. Orang kampung tidak guna paku laa? *Pakat* [semua] guna kayu tu *jolah* [sahaja]?
103. Lagi? Pokok *gapo* [apakah] lagi ada?
104. Dia (pokok) biasa *gitu* [seperti] itulah?
105. Danau Tok Uban ini ada berkait rapat kan dengan Bukit Panau kan?
106. Apa cerita dia sebenarnya?
107. Dekat ke jauh?
108. Apa kaitan dia?
109. Tapi *bakpo* [kenapa] dia berkait? *Bakpo* [kenapakah] dia berkait dengan Bukit Panau?
110. Puaka dia *gapo* [apa]?
111. Dia bertapa untuk apa? Persilatan?
112. Antara wali yang Pak Uda tahu?
113. Berapa lama selalunya orang pergi bertapa disitu Pak Uda?
114. Seorang-seorang sahaja lah disitu?

115. Selepas dia bertapa itu, apa yang dia dapat?
116. Tapi dia bukan wali lah yang sebenarnya?
117. Tidak ada kuasa apa pun kan?
118. Pak Uda ada mengatakan yang Tok Uban ini ada kaitan dengan Sungai Golok, apa kaitan nya? Boleh Pak Uda ceritakan sedikit?
119. Apa kaitan dengan Sungai Golok?
120. Pak Uda ada mengatakan Danau ini ada kaitan dengan Sungai Golok?
121. Boleh Tuk Uda cerita?
122. Lagi dia berkaitan dengan apa Sungai Golok tu?
123. Boleh Tok Uda cerita sebelum menjadi Danau?
124. Belat?
125. Di Danau Tok Ubantu lah?
126. Banyak ke buaya situ?
127. Wujud lagilah sekarang ini?
128. Daripada situlah namanya Pengkalan Laksa?
129. Ramai ke yang guna kebob tu Tuk Uda?
130. Masa tula dia pinjam pinggang mangkuk daripada Puteri Saadon?
131. Ini pinggang mangkuk sendiri sudahla?
132. Banjir di Danau Tok Uban, selepas menjadi danau apa yang terjadi?
133. Memukat dalam danaulah?
134. Tahun bila ?
135. Tinggal kepada orang lainlah?
136. Danau tu dalam tak?
137. Tanah dia meresap la dalam tu?
138. Lubuk dalam lagilah?
139. Pergi kemana?
140. Dia kena baca ayat dialah?
141. Dia meininggal masa Tuk Uda muda lagilah?
142. Kebumikan di kubur kg. Chasing?
143. Pasal Hang Tuah tu ada kaitan jugak ke dengan Bukit Panau?
144. Ada hubungkaitlah antara Hang Tuah dengan Syed Jamadil Qubra?
145. Yang pasal hang tuah tu apa kaitan hang tuah dengan Syed Qubra, boleh Tuk Uda Cerita?
146. Dekat mana?

147. Ada lagi yang tuk uda tahu pasal Syed Qubra?
148. Hang tuah ada kaitan tak dengan Puteri Linang Cahaya?
149. Hang Tuah ini pernah tinggal dekat danau ke?
150. Dia berguru dengan adi putera?
151. Hang Tuah belajar apa semasa di bukit panau?
152. T.U.A.H

#### **BAHAGIAN EMPAT : PENGIKTIRAFAN**

153. Danau Tok Ubannini pernah orang iktiraf tak?
154. Dato' Nasir?
155. Bila dia iktiraf?
156. Tuk Uda muda lagilah masa itu? Tuk Uda ada sekali lah eh?
157. Ramai tak orang pergi?
158. Memang batu asas tu diletakkan sebagai nama Danau Tok Uban?
159. Danau Tok Uban ini ada tak orang luar datang kaji?
160. Siapa orang tu Tok Uda?
161. Danau tu pernah jadi tempat lakonan tak?
162. Cerita apa?
163. Artis lama-lamalah? Tuk Uda pernah pergi menonton sendiri ke?
164. Tahun bila?
165. Tok Uda ingat tak artis yang datang ke siini? (*Danau Tok Uban*)?
166. Majalah tiga datang untuk mengorek rahsia Danau Tok Uban?
167. Tok Uda pernah tak dapat iktiraf daripada mana-mana pihak?
168. TV berapa?
169. Tajuk apa?
170. Tahun bila?

171. Apa perasaan tuk uda bila orang datang temuramah?
172. Di danau itu, ada kedai makan, bila lagi dibangunkan?
173. Kedai makan tu dulu beroperasi siapa yang mengendalikannya?
174. Sekarang ini ada lagi tak kedai tu?
175. Tak jual sampai sekaranglah?

## **BAHAGIAN LIMA : PENGIKTIRAFAN**

176. Pendapat Tok Uda apa yang perlu ada di Danau Tok Uban?
177. Bagaimana untuk menaikkan nama Danau Tok Uban?
178. Jalan tar ke tidak?
179. Sumbangan orang kampung kepada Danau Tok Uban?
180. Pendapat Tuk Uda boleh tak Danau Tok Uban menjadi satu pusat peranginan  
contohnya pelancong datang melancong kesiini?
181. Dato' Nasir tu dahulu Menteri Besar Kelantan kan?
182. Kata-kata terakhir tuk uda?
183. Terima kasih kerana menceritakan tentang Danau Tok Uban. Terima Kasih  
sekali lagi. InsyaAllah perbualan ini akan dibukakan. Adakah Pak Uda inginkan  
salinan buku ini?

# **SURAT PERJANJIAN**





## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan HADI SAMA & HAJI HUSNA Pada 23/4/2016

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat ~~selama-lamanya~~.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa ~~syarat-syarat / dengan syarat -~~  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbemya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....  
Pengkisah (Tokoh)

Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

**GAMBAR**



Gambar 1: bersama Pak Uda



Gambar 2 : sebahagian kawasan danau Tok Uban

# **SIJIL PENGHARGAAN**



# INDEKS

## A

Ada.....4, 15, 20, 21, 27, 29, 30, 36, 37, 39,  
41, 42  
Air .....8, 14, 18, 19, 27, 30, 31, 33, 34, 42  
Arwah.....16, 35  
Atau.....3, 4, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 27, 34

## B

Bah .....2, 14  
Baka .....16  
Balik.....4, 24, 27, 34  
Banggol.....7, 18, 19  
Banjir.....2, 14, 16, 25, 26  
Barang .....11, 14, 15  
Belat .....27, 29, 30, 35  
Beliau .....9, 10, 13  
Bencana.....14  
Bendang .....14, 19, 27  
Bertapa .....23, 24  
Brunei.....29  
Buaya .....29, 30, 34, 35  
Bukit Gogong.....29, 30

## D

Danau Tok Uban 6, 7, 8, 10, 11, 14, 15, 16,  
22, 28, 32, 38, 39, 40, 42, 43  
Datang .....1, 3, 9, 11, 16, 23, 39, 40, 41, 43  
Dato' Nasir.....7, 15, 38, 43  
Dengar.....29, 30, 35  
Dia 3, 4, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 19,  
21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 34,  
35, 37, 39, 40, 41  
Dikir Barat .....15  
Dulu.....5, 11, 12, 16, 18, 20, 32, 34, 36, 41,  
42

## G

Gelung.....29  
Getah .....3  
Ghaib.....14, 23

## H

Harimau .....16, 18  
Hektar .....7  
Hiasan .....15  
Hormat .....13  
Hospital.....16  
Hutan.....7, 16, 20

## I

Ikan .....5, 6, 27, 30, 41

## J

Jadi.....7, 11, 16, 18, 19, 23, 24, 26, 27, 37,  
39, 43

## K

Kampung Chasing. ....1  
Kawasan..7, 8, 9, 10, 12, 16, 21, 23, 35, 43  
Kayu.....20, 21, 27, 29, 30, 35, 41  
Kelantan.....1, 7, 9, 26, 38, 39, 43  
Kem.....15  
Kerajaan.....43  
Kerbau.....2, 13, 27  
Kerja .....4, 5, 6, 16, 27, 35  
Kota Bharu.....23  
Kuala.....29

## M

Malu.....13, 14  
Manis .....6  
Marah.....11, 13, 16  
Mok Yong.....13

## P

Pahit .....6  
Pengkalan.....29, 30, 31  
Pinggan Mangkuk.....14  
Pokok Tembesu .....20  
Puaka.....23  
Pukat .....27, 30, 32, 33, 42  
Pulau .....18, 20



Puluh .2, 3, 4, 11, 14, 29, 31, 33, 34, 38, 41  
Puteri Saadong .....11, 12, 23, 32

## S

Sampai.....2, 16, 22, 24, 29, 30, 34, 35, 41  
Sekolah.....3, 4  
Sungai Golok .....25, 26

## T

Ta'ba .....25, 26  
Tanjung Puteri.....11, 12, 15, 29, 34

Tasik .....33  
Ternakan .....18, 27  
Tidak ....2, 7, 11, 12, 13, 14, 16, 18, 19, 20,  
21, 23, 24, 25, 26, 42  
Tok Daud .....19, 29  
Tukang Jahit.....4

## W

Wali.....16, 23, 24, 25